


**PERPUSTAKAAN  
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000010065

**CABARAN PENGEKSPORTAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN UKUR  
BAHAN KE PASARAN ANTARABANGSA**

**MD. AIMAN FARHAN BIN OMAR**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2009

## ABSTRAK

Fenomena globalisasi dan liberalisasi yang berlaku dewasa ini telah membuka peluang kepada aktor-aktor di dalam industri pembinaan Malaysia bagi mengembangkan operasi mereka ke pasaran dunia. Pengeksportan perkhidmatan pembinaan atau perundingan profesional ke pasaran antarabangsa juga bukan lagi menjadi pilihan sebaliknya merupakan sesuatu yang perlu dilakukan oleh aktor-aktor industri pembinaan tempatan. Pengeksportan perkhidmatan-perkhidmatan ini berlaku apabila prestasi sektor pembinaan Malaysia mengalami penurunan serta pertambahan persaingan yang datang dari dalam dan luar negara semenjak kebelakangan ini. Walaubagaimanapun, persekitaran yang berbeza serta halangan-halangan tertentu yang wujud di negara-negara luar telah memberikan pelbagai masalah kepada aktor-aktor industri pembinaan tempatan khususnya perunding ukur bahan dalam menyediakan perkhidmatan mereka di sana. Oleh yang demikian, penyelidikan ini telah dijalankan bagi mengenalpasti masalah-masalah spesifik yang dihadapi oleh firma-firma perunding ukur bahan yang menjalankan perkhidmatan di luar negara. Selain itu, penyelidikan ini juga dijalankan bagi menentukan kriteria-kriteria yang perlu diperolehi oleh firma-firma ukur bahan bagi menjalankan perkhidmatan di pasaran antarabangsa. Data-data telah dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang menggunakan soalan berbentuk skala *Likert* serta soalan temu ramah tidak berstruktur. Dari data-data yang telah dianalisis, beberapa masalah spesifik yang berlaku dalam menjalankan perkhidmatan di pasaran antarabangsa dan kriteria yang perlu diperolehi oleh firma ukur bahan bagi pengeksportan perkhidmatan telah disenaraikan. Dengan ini, diharap firma-firma ukur bahan dapat menjadikannya sebagai panduan dan rujukan dalam mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi firma ukur bahan serta kriteria-kriteria bagi pengeksportan perkhidmatan ke pasaran antarabangsa seterusnya dapat meningkatkan kekuatan kompetitif firma-firma ukur bahan yang bersaing di peringkat global.

## **ABSTRACT**

The phenomena of globalization and liberalization occurred nowadays has open up the opportunities for the players in Malaysian construction industry to take part in the global market. The export of construction and consultancy services has no longer become an alternative but has already become a necessary step to be taken by the local construction industry players. The export of these services occurred when there is a declining in Malaysian construction sector and the increasing of competitions came from inside and outside of this country that happened lately. However, the diversification of surrounding environment and some barriers exist in the abroad countries had given several problems to the local construction industry players especially quantity surveying consultants in providing their services. Therefore, this research was conducted to find out the challenges faced by the quantity surveying firms in providing their services abroad. On top of that, it was conducted to determine the criteria which need to be possessed by the local quantity surveying firms to provide services in the international market as well. All the data were collected using questionnaire which uses the mode of Likert scale questions and using unstructured interview question. From the data analyzed, some specific problems occurred and criteria need to be possessed by local quantity surveying firms in providing services to the international market were listed. Therefore, it is hope that quantity surveying firms can use the findings as their reference and guidance in finding out the challenges faced by quantity surveying firms and determining the criteria for exporting of services to the international market. Next, it would improve the competitive advantages of quantity surveying firms that compete in the global stage